

PAS nafi ada pemimpin terlibat dengan Syiah
Malaysian Insider
July 28 , 2013
Oleh Diyana Ibrahim

Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menyifatkan dakwaan media arus perdana mengenai beberapa pemimpin PAS yang dikatakan terlibat dengan ajaran Syiah, hanya serangan politik terhadap parti itu.

Ketua Penerangan PAS itu, berkata tuduhan itu tidak berasas sama sekali, tanpa bukti dan hanya berpandukan andaian semata-mata.

"Saya kesal kenapa mereka memberi bayangan sebegitu. Ingin saya tegaskan sekali lagi tiada pemimpin PAS yang terlibat," katanya pada kenyataan media, hari ini.

Tuan Ibrahim berkata, beberapa pimpinan PAS yang ada hubungan peribadi dengan pimpinan Iran atau gerakan Islam Timur Tengah, bukan bermakna mereka pengikut Syiah.

Jika kerajaan suka mengaitkan hubungan antara pimpinan Iran atau mereka yang berkait dengan ajaran Syiah, katanya, PAS juga boleh mempersoalkan hubungan kerajaan dengan Zionis Yahudi.

Ekoran itu, beliau berkata, PAS memberi amaran kepada mana-mana pihak yang ingin menggunakan isu itu untuk menyerang bagi kepentingan keuntungan politik.

"Kita ada sistem pemantauan dalaman yang aktif bagi memastikan ahli parti tidak melanggar syarat; dan kita mengalu-alukan bukti yang melibatkan ahli parti, dikemukakan kepada Jawatankuasa Disiplin Parti, " katanya.

Beliau turut menegur kerajaan yang hanya melihat Syiah sebagai ancaman walhal terdapat ajaran lain lebih jelas memesongkan umat Islam di negara ini

"Seperti ajaran Qadyani, ia diwarta sebagai ajaran sesat dan jelas menunjukkan ia bercanggah dengan aqidah tetapi kenapa ia masih terus aktif tanpa sebarang tindakan,"

Tuan Ibrahim tidak menafikan ia hanyalah sebahagian lagi usaha musuh PAS bagi memecah belah parti menjelang pemilihan November ini.

"Kita mohon ahli PAS tidak termakan dengan fitnah dan berjaga-jaga dengan taktik jahat musuh untuk melaga-laga pemimpin dan ahli PAS dengan pelbagai label seperti ulama dan profesional, liberal, kumpulan Erdogan, UG mahupun Syiah," katanya.

Beliau mengulas mengenai dakwaan beberapa media arus perdana yang mengaitkan hubungan pemimpin PAS dengan ajaran Syiah.

Isu penyebaran fahaman Syiah mendapat perhatian selepas laporan berita tentang pertambahan pengikut ajaran itu yang semakin bertambah di negara ini.

Bagaimanapun, Malaysia masih ada hubungan diplomatik dan perdangangan dengan negara majoriti penganut Syiah seperti Iran. – 28 Julai, 2013.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-nafi-ada-pemimpin-terlibat-dengan-syah>